

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1992/93

April 1993

HSM 211 Sejarah Sosio-Ekonomi Malaysia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT

Jawab EMPAT [4] soalan. TIGA [3] soalan daripada Bahagian A dan SATU [1] soalan daripada Bahagian B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Pilih TIGA [3] soalan

1. "Hamba biasa dan Hamba Berhutang ternyata mempunyai kepentingan ekonomi kepada seseorang pembesar" (P. Sullivan dalam Social Relations of Dependence in A Malay State Nineteenth Century Perak).

Bahaskan pernyataan di atas dalam konteks masyarakat Melayu tradisional.

2. Sejauh manakah anda bersetuju dengan Prof. Fieldhouse bahawa eksploitasi ekonomi di negara-negara tropika merupakan satu mitos sahaja?

Beri tumpuan perbahasan anda kepada penjajahan British di Semenanjung Tanah Melayu pada kurun ke-18 dan 19.

3. Matlamat kerajaan Inggeris di Semenanjung Tanah Melayu menggubal undang-undang tanah adalah untuk mewujudkan kestabilan ekonomi dan kebajikan rakyat tempatan.

Bahaskan.

4. Sejauh manakah anda bersetuju bahawa kebun-kebun kecil getah merupakan pengancam utama kepada syarikat-syarikat perladangan Eropah di Semenanjung Tanah Melayu?

5. Mengikut Lai Ah Eng pentadbiran kolonial telah memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan institusi-institusi sosial yang buruk, seperti perjudian, pelacuran, ketagihan candu dan minuman keras.

Bahaskan pernyataan ini dengan memberikan tumpuan khas kepada masyarakat perlombongan.

6. P.T. Bauer berpendapat bahawa perkembangan infra struktur yang pesat merupakan salah satu warisan positif yang telah ditinggalkan oleh penjajahan British di tanah jajahan mereka.

Bahaskan pernyataan di atas dengan membuat rujukan kepada Semenanjung Tanah Melayu.

BAHAGIAN B - Pilih SATU [1] soalan

7. Sejauh manakah kerajaan Brooke di Sarawak berupaya menyelamatkan peribumi dari kehilangan tanah mereka?

Berikan tumpuan perbahasan anda kepada peratoran-peratoran tanah yang telah dikenalkan di sana.

8. Seperti di Semenanjung Tanah Melayu, Syarikat Berpiagam Borneo Utara telah menarik buruh-buruh asing ke Sabah dengan Undang-Undang Perburuhan yang menjamin perlindungan dan tawaran tanah yang liberal. Namun peladang-peladang sentiasa merungut kekurangan buruh.

Bincangkan.

-oooOOoooo-